

11/02/2001

Deklamator puisi harus diberi royalti

Wan Ahmad Ismail

"PUISSI dan deklamasi: Penyair berhak terima royalti" kata Ramli Selamat "Sastera dan Budaya", (Berita Harian 25 Januari 2001). Jawabnya, memang dan sepatutnya penyair berhak menerima royalti. Royalti penulis kerana menulis, demikian juga pembaca kerana membaca dalam majlis yang dibayar.

Tanpa merujuk keseluruhan tulisan Ramli Selamat (Marsli NO) itu, saya cukup faham dan amat bersetuju saranan Ramli Selamat, A Samad Said, Sutung Umar RS dan Siso itu supaya puisi harus diangkat ke singgahsana yang tinggi kerana puisi, penulisan dan pembacaannya bukan lagi 'cebisian jalanan' dan 'permainan sementara menunggu Maghrib'. Ia sesuatu yang perlu dilaksanakan.

Pak Samad, Sutung melihat perkara ini kerana setiap orang Malaysia sudah mulai mengenali erti puisi dan pembacaan puisi. Bukan A Samad Said dan Sutung Umar RS, Ramli Selamat dan Siso saja, lebih ratusan penyair dan pendeklamator melihat perkara ini perlu diambil perhatian serius oleh pihak berwajib.

Usaha seperti ini sudah terlalu lama dan banyak kali diperkatakan, malah kadangkala mengundang kelesuan pihak pemanggil untuk memanggil penyair dan deklamator yang ternama membaca puisi di luar Kuala Lumpur kerana harga kos kedatangan sang penyair itu ke tempat yang dipanggil.

Membaca dua atau empat buah puisi, perlu membayar duit tambang kapal terbang, duit saguhati, duit penginapan dan makan minum yang dikira tidak sepadan kalau mahu dibeza dengan memanggil seorang artis, penyair atau bintang filem misalnya.

Kalaupun dibayar kepada seorang deklamator paling tinggi pun RM200 berbanding RM5,000 untuk seorang penyanyi dan pelakon misalnya. Inilah yang ketara kerana peminat, pembaca, pendengar dan peneliti disogok dengan pelbagai publisiti yang menguntungkan artis dan tidak kepada penyair mahupun sang deklamator.

Saban hari pihak akhbar menyiar cerita artis dan saban bulan juga pihak majalah bercerita mengenai artis serta penampilan suara mereka di radio dan wajah mereka di televisyen, kalau mahu dibuat perbandingan antara penyair, deklamator atau penulis genre sastera lain. Penyanyi lebih terkedepan.

Jadi, yang untung di sini ialah artis, walaupun persembahan mereka tidaklah sebaik seperti yang digambarkan akhbar dan majalah. Hal yang sedemikian tidak kepada penyair. Apabila Marsli NO misalnya menulis bacaan puisi Sutung Umar RS di Rumah Pena tanggal 2 Februari lalu begitu memberangsangkan, dahsyat serta penuh tenaga, tidak ada pemberita hiburan menulis mengenainya. Nasib baik Marsli membuat laporan itu, jika tidak, tak ada siapa yang tahu.

Dan bacaan Sutung yang dahsyat itu tentulah ada sebab dan latarnya yang tersendiri. Puisi yang dibaca Sutung adalah beberapa puisi yang ditulis oleh temannya mengenai manusia dan nasib malang dan beruntungnya. Cinta suci murni hancur tak bermakna. Orang lebih tertarik kepada benda, yang akan luluh dan hancur serta tidak abadi. Orang tidak tertarik dengan cinta, yang abadi. Manusia sudah jadi robot dan hidup dalam keperibinatangan. Budi tak dikenang dan barangan usang.

Orang dengan senang sanggup melakukan dosa besar demi mencapai cita kebendaan. Itulah yang menjadi lolongan dan teriakan Sutung malam itu. Tidakkah itu suatu yang wajar? Tidakkah itulah yang diteriakkan oleh sang seniman semenjak dulu lagi? Salahkah Sutung berteriak demikian?

Demikian juga Koprata.

Dalam hal ini saya perhatikan usaha yang dimainkan Pena dan Berita Harian untuk mencari khalayak, mencipta khalayak dan menanam khalayak supaya mencintai sastera terutamanya genre puisi membuah hasil. Idea Datuk Ahmad Sebi, Sutung Umar RS dan kerabat Pena dan Berita Harian kalau diteruskan secara sungguh-sungguh dan selari untuk hari ini dan akan datang, saya percaya puisi, penyair dan dekla-matornya akan menerima hasil pulangan yang membanggakan dan bukan lagi `royalti', tetapi pendapatan seperti yang dinikmati artis. Percayalah kalau betul-betul diambil perhatian serius dan berterusan.

Majalah hiburan juga perlu memberi ruang aksi dan liputan cerita, gambar dan berita mengenai kegiatan 'artis sastera' ini, selain puisi, persembahan drama juga boleh diperbanyakkan cerita mengenainya.

"Puisi dan deklamasi: Penyair berhak terima Royalti" sudah sepatutnya lama terjadi, terhasil dan pengarang serta pendeklamator telah lama `kaya' dan bukan sekadar tampil mengarang, membaca, minum secawan kopi dan kemudian balik ke rumah.

Perkara yang sepatutnya tidak terjadi sedemikian.

Harga seorang seniman (dalam pengertiannya yang sebenar) bukan lagi harga seorang seniman seperti yang selalu difahami secara mudah.

Kita percaya, apabila Salbiah Ani dalam "Puisi tetap relevan dalam era ICT" (Berita Harian 26 Januari 2001) menyebut "Puisi tetap relevan dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sekalipun masih ramai seakan-akan enggan mengakui kebenaran terbabit hanya kerana mereka tidak berminat dalam sastera apalagi genre berkenaan" ada benarnya dan akan menyakinkan khalayak selepas itu, selepas dipersembahkan kepada khalayak dengan lebih sempurna, teratur dan dengan penuh disiplin.

Ribuan khalayak di Padang terbuka "Kembara Puisi IPT 2001" yang bertemakan "Suara Nurani Jati Diri Bangsa" anjuran Berita Harian di Universiti Kebangsaan Malaysia membuktikan puisi dan deklamatornya sudah diterima dan akan perolehi royalti dan bayaran selepas itu kalau dikenakan tiket bayaran menonton sebagaimana dilakukan ke atas produksi teater di Istana Budaya atau di Matic.

Percayalah kalau usaha ini dijalankan secara tersusun pasti mereka akan lebih bermakna daripada artis penyanyi mahupun artis filem kalau publisiti dan liputannya diberikan secara meluas.

Mengarang, membaca dan menyanyi lagu puisi bukan lagi acara untuk orang yang membuang masa sebagai tanggapan lazim sesetengah pihak kerana kehadiran khalayak umum terutamanya di UKM melalui Kembara Puisi IPT pertama itu membuktikan puisi boleh `diperdagangkan' sebagaimana `lirik lagu'.

Yang penting di sini, liputan medialah yang menguatkan kehadiran minat khalayak ke arah mencintai genre sastera terutamanya puisi yang semakin dinikmati sekarang ini.

Orang politik, korporat mahupun bidang di luar sastera sudahpun hadir pada acara puisi, dan malahan banyak yang turut membaca puisi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pun mengarang puisi dan membaca puisi dan terbaru Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, pun terbabit dalam acara puisi ini.

Puisi sudah tertanam dalam sanubari banyak pihak. Yang terbaru, kita mendengar Datuk Mohd Salleh Abdul Majid, sewaktu perbincangannya dengan Timbalan Presiden Pena sempena pelancaran Galeri Pena baru-baru ini mencadangkan supaya Pena dan Berita Harian membuat satu kertas untuk menghidupkan sebuah ruang di BSKL dengan hal-hal yang bersifat abadi iaitu seni dan sastera.

Ini baru betul. Syabas Datuk Salleh.

Yang perlu kini satu susunan dan perancangan yang sistematis perlu dilakukan dalam segala segi, sama ada persoalan teknikal sewaktu persembahan mahupun publisiti mengenainya.

(END)